



MANIFESTASI UNSUR EUFEMISME DALAM NOVEL *Mental* KARYA SHAZ JOHAR BERDASARKAN TEORI MEDAN SEMANTIK



Oleh

NOR AISYAH HAFIZA BINTI TAZUDIN

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

Februari 2021

FBMK 2021 73

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

*Buat ayahanda dan bondaku,
Hj. Tazudin bin Selamat dan Hjh. Aini binti Ariffin...
Walau tidak mampu untukku balas setiap perit dan jerih kalian, namun anakandamu ini masih ingin memberi sedikit bahagia menerusi penulisan ini.*

*Buat suamuku,
Dr. Aminnudin bin Saimon...
Terima kasih kerana sentiasa memberikan sokongan moral dan juga sudi berkongsi ilmu sepanjang penghasilan penulisan ini. Terima kasih juga kerana sentiasa memahami dan menyokong usaha isterimu dalam meneruskan perjuangan menuntut ilmu hingga ke garisan akhir walaupun isterimu ini dalam keadaan sarat mengandungkan seorang putera, Dean Yusuf Mateen.*

*Buat adinda-adindaku,
Amirul Hakim, Amirul Hafiz, Nurul Hazirah, Nurul Haziqah dan Nur Asyiqin...
Aku titipkan penulisan ini buat kalian jadikan pembakar semangat untuk terus menjadi lebih baik daripadaku. Teruskan berusaha walaupun ada ketika kalian tersungkur di pertengahan perjuangan. Bangkit dan jadikan diri kamu lebih baik daripadaku.*

*Buat pensyarahku yang tidak pernah kenal erti jemu dalam memberi ilmu,
Dr. Rozita binti Che Rodi...
Terima kasih atas segala nasihat, peluang dan ruang yang telah Dr. berikan.
Sesungguhnya penulisan ini tidak akan mampu saya lakukan tanpa pengorbanan yang telah Dr. lakukan kepada saya. Terima kasih.*



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**MANIFESTASI UNSUR EUFEMISME DALAM NOVEL *Mental* KARYA SHAZ JOHAR
BERDASARKAN TEORI MEDAN SEMANTIK**

Oleh

NOR AISYAH HAFIZA BINTI TAZUDIN

Februari 2021

Pengerusi: Rozita binti Che Rodi, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat hari ini dilihat semakin rencam dari segi kekaburan penggunaan kosa kata. Penggunaan bahasa yang cacamarba serta kabur maknanya sehingga boleh disalahertikan sering berlaku bukan sahaja dalam kalangan golongan dewasa, malah juga golongan remaja. Medium seperti media sosial, media elektronik, malah juga media cetak seperti bahan berbentuk bacaan sama ada ringan atau berat, yang menjadi wahana sajian masyarakat hari ini menjadi salah satu faktor berlakunya kepincangan ini. Dalam dunia kebahasaan, banyak pilihan bentuk bahasa yang masih boleh digunakan dan lebih halus penyampaiannya untuk digantikan dengan perkataan-perkataan yang kasar bunyinya. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji telah menjalankan kajian berkaitan manifestasi unsur eufemisme dalam novel indie yang berjudul *Mental* karya Shaz Johar berdasarkan penerapan Teori Medan Semantik. Bertitik tolak daripada itu, pengkaji telah mengemukakan tiga objektif utama, iaitu (i) mengenal pasti kata fokus bagi unsur eufemisme dalam novel *Mental* karya Shaz Johar, (ii) menginterpretasi kata kunci yang mengelilingi setiap kata fokus yang dikenal pasti menerusi novel *Mental* karya Shaz Johar dan (iii) menghasilkan medan semantik unsur eufemisme berdasarkan novel *Mental* karya Shaz Johar. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Bagi menganalisis data yang diperolehi, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Medan Semantik S. Ullmann (1963) menerusi pendekatan model analisis Syed M. Naquib al-Attas (2001). Dapatan kajian ini mendapati bahawa perkataan berunsur eufemisme dapat diinterpretasikan maknanya menerusi pengenalan kata fokus dan penginterpretasian kata kunci hasil daripada pengaplikasian Teori Medan Semantik. Hasil dapatan kajian ini juga mendapati terdapat tiga kata fokus utama yang dikenal pasti, iaitu (i) kata fokus “kekeluargaan”, (ii) kata fokus “gelaran” dan (iii) kata fokus “peribahasa”. Di samping itu, terdapat 27 kata kunci yang telah diinterpretasikan sehingga membentuk jalinan perkaitan makna dan lingkungan konsepsi. Hasil daripada rangkuman empat aspek utama itu, medan semantik bagi setiap kata fokus akan terbentuk.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Art

MANIFESTATIONS OF THE ELEMENT OF EUPHEMISM IN THE NOVEL *Mental* BY SHAZ JOHAR BASED ON SEMANTIC FIELD THEORY

By

NOR AISYAH HAFIZA BINTI TAZUDIN

February 2021

Chairman: Rozita binti Che Rodi, PhD
Faculty: Modern Languages and Communication

The use of the Malay language in the society today seems to be very haphazard especially in the vocabulary usage. The admixture form of language use by the society today, couple with the ambiguity in meaning which can lead to misinterpretation, are not only rampant among the adult but also among the youth. The use of the language media such as social medium, electronic medium, and also in the printed medium whether in the light reading or serious reading materials, forming the main channel, that contributed to the haphazard and defective condition. In the realm of language usage, there are a lot of choices available, for instance whether to use a refined form or a coarse harsh one. As such in this study, the researcher analysed the manifestations of euphemism in the indie novel "Mental" by Shaz Johar based on the application of Semantic Field Theory. Based on that purpose, the researcher was proposing three objectives of this study, namely (i) to identify focus words of the euphemism elements in the indie novel "Mental" by Shaz Johar, (ii) to interpret the key terms that cluster around those focus words and (iii) to build the semantic field of euphemism elements in the indie novel "Mental". This study is based on qualitative method. In the analysis of data, the researcher was applying the semantic field theory of S. Ullmann (1963) based on the model analysis of Syed M. Naquib al-Attas (2001). The results of the study point to the fact that elements of euphemism can successfully be interpreted by means of identifying and analyzing focus words and their key terms adopting the semantic field theory. As a result, from this research, there is three main focus words was identified, which is (i) focus word of "family", (ii) focus word of "title" and (iii) focus word of "idioms". Besides that, there is 27 key terms was interpreted until the relational meaning among those key terms and the conceptual sphere is forms. From the combination of those four main aspects, the semantic field of each focus words has been formed.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah izin-Nya, saya dapat menyempurnakan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan ingin saya tujukan kepada Dr. Rozita binti Che Rodi selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis dan juga Prof. Madya Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis saya ini kerana telah banyak membantu serta memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang proses saya menyempurnakan penulisan tesis ini.

Tidak dilupakan juga tunjang kehidupan saya, iaitu ibu bapa saya sendiri, Tazudin bin Selamat dan Aini binti Ariffin serta suami saya, Dr. Aminnudin bin Saimon serta adik-beradik saya, iaitu Amirul Hakim, Amirul Hafiz, Nurul Hazirah, Nurul Haziqah dan juga Nur Asyiqin yang tidak putus-putus memberikan doa dan semangat kepada saya.

Buat teman-teman sepengajian, terima kasih atas segala perkongsian ilmu dan pertolongan yang telah kalian berikan. Sesungguhnya, hanya Allah yang mampu membalas jasa baik kalian. Akhir kata, segala yang baik datangnya daripada Allah dan segala kekurangan datangnya daripada diri saya sendiri. Semoga Allah SWT membalas jasa insan-insan ini. Wassalam.

NOR AISYAH HAFIZA BINTI TAZUDIN
FBMK, UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Rozita binti Che Rodi, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 09 Jun 2022

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran menulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nor Aisyah Hafiza Binti Tazudin

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan: Dr. Rozita binti Che Rodi

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad

SENARAI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	x
BAB	
1	PENDAHULUAN 1
1.1	Latar Belakang Kajian 1
1.2	Pernyataan Masalah 2
1.3	Objektif Kajian 4
1.4	Kepentingan Kajian 5
1.4.1	Masyarakat 5
1.4.2	Pengkaji Bahasa 5
1.4.3	Bidang Semantik 6
1.5	Batasan Kajian 6
1.6	Definisi Operasional 8
1.6.1	Eufemisme 8
1.6.2	Kata Fokus 8
1.6.3	Kata Kunci 9
1.6.4	Jalinan Perkaitan Makna 9
1.6.5	Lingkungan Konsepsi 9
1.7	Kesimpulan 10
2	SOROTAN LITERATUR 11
2.1	Pengenalan 11
2.2	Eufemisme Manifestasi Kesantunan Berbahasa Masyarakat Melayu 11
2.3	Penerapan Teori Medan Semantik dalam Sesebuah Kajian 14
2.4	Kesimpulan 17
3	METODOLOGI KAJIAN 18
3.1	Pengenalan 18
3.2	Reka Bentuk Kajian 18
3.3	Pendekatan Kajian 18
3.4	Kaedah Kajian 20
3.4.1	Kaedah Pengumpulan Data 20
3.4.2	Kaedah Analisis Data 20
3.5	Kerangka Teori 20
3.6	Kerangka Konseptual 28
3.7	Kesimpulan 29
4	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN 30
4.1	Pengenalan 30
4.2	Kata Fokus Sebagai Paksi Penumpuan Makna Unsur Eufemisme dalam Novel Indie: <i>Mental</i> Karya Shaz Johar 30
4.2.1	Kata Fokus “Kekeluargaan” 32
4.2.2	Kata Fokus “Gelaran” 34
4.2.3	Kata Fokus “Peribahasa” 36

4.3 Interpretasi Makna Asasi serta Jalinan Perkaitan Makna bagi setiap Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus	38
4.3.1 Interpretasi Makna Asasi serta Jalinan Perkaitan Makna bagi setiap Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus “Kekeluargaan” dalam Memanifestasi Unsur Eufemisme dalam Novel <i>Mental</i> Karya Shaz Johar	40
4.3.2 Interpretasi Makna Asasi serta Jalinan Perkaitan Makna bagi setiap Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus “Gelaran” dalam Memanifestasi Unsur Eufemisme dalam Novel <i>Mental</i> Karya Shaz Johar	42
4.3.3 Interpretasi Makna Asasi serta Jalinan Perkaitan Makna bagi setiap Kata Kunci yang Mengelilingi Kata Fokus “Peribahasa” dalam Memanifestasi Unsur Eufemisme dalam Novel <i>Mental</i> Karya Shaz Johar	44
4.4 Penubuhan Medan Semantik Berdasarkan Tiga Kata Fokus	49
4.4.1 Medan Semantik bagi Kata Fokus “Kekeluargaan”	50
4.4.2 Medan Semantik bagi Kata Fokus “Gelaran”	51
4.4.3 Medan Semantik bagi Kata Fokus “Peribahasa”	52
4.5 Implikasi Dapatan Kajian	52
4.6 Kesimpulan	53
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	54
5.1 Pengenalan	54
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	54
5.3 Cadangan Penyelidikan Lanjutan	56
5.4 Penutup	56
BIBLIOGRAFI	58
LAMPIRAN	63
BIODATA PELAJAR	78
SENARAI PENERBITAN	79

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
3.1	Medan Semantik Bagi Kata Fokus “Dasar”	19
3.2	Medan Semantik bagi Kata Fokus “Universiti”	22
3.3	Makna Asasi dan Perkaitan Makna Perkataan “Kitab” dan Lingkungan Konsepsi “Wahyu”	25
3.4	Medan Semantik bagi Kata Fokus “Iman”	26
3.5	Medan Semantik bagi Kata Fokus “Wujud”	27
3.6	Kerangka Konseptual Manifestasi Unsur Eufemisme dalam Novel <i>Mental</i> Karya Shaz Johar berdasarkan Teori Medan Semantik	28
4.1	Medan Semantik Bagi Kata Fokus “Kementerian Pendidikan”	39
4.2	Medan Semantik bagi Kata Fokus “Sekolah”	40
4.3	Jalanan Perkaitan Makna antara Setiap Kata Kunci dan Lingkungan Konsepsi bagi Kata Fokus “Kekeluargaan”	42
4.4	Jalanan Perkaitan Makna antara Setiap Kata Kunci dan Lingkungan Konsepsi bagi Kata Fokus “Gelaran”	44
4.5	Jalanan Perkaitan Makna antara Setiap Kata Kunci dan Lingkungan Konsepsi bagi Kata Fokus “Peribahasa”	49
4.6	Medan Semantik bagi Kata Fokus “Kekeluargaan”	50
4.7	Medan Semantik bagi Kata Fokus “Gelaran”	51
4.8	Medan Semantik bagi Kata Fokus “Peribahasa”	52

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Eufemisme merupakan sebuah gaya bahasa yang mempamerkan ungkapan-ungkapan yang bersifat baik dan sopan. Menurut Teo Kok Seong (1996), eufemisme ialah perkataan atau frasa yang lebih halus dan sopan sifatnya yang berfungsi untuk menggantikan perkataan atau frasa yang dianggap tidak enak untuk didengar. Dalam masyarakat dan budaya Melayu, unsur eufemisme ini sering kali digunakan untuk menyatakan sesuatu perihal tetapi dengan cara yang lebih halus dan berlapik. Sememangnya kesantunan dalam berbahasa sangat dititikberatkan dalam budaya Melayu. Menjaga hati orang yang diajak berbicara adalah suatu kemestian dalam adat dan tatasusila berkomunikasi orang Melayu. Jadi, tidak hairanlah sekiranya ungkapan-ungkapan yang berunsur negatif dituturkan atau disampaikan dengan cara yang sangat berhemah.

Oleh hal yang demikian, wujudnya eufemisme ini adalah disebabkan oleh wujudnya tabu dalam bahasa dan masyarakat. Teo Kok Seong (1996) turut berpendapat bahawa eufemisme berupaya untuk menjadikan ungkapan-ungkapan yang berunsur tabu ini menjadi lebih bermakna apabila ungkapan tersebut ditukarkan dengan ungkapan yang lebih halus. Pengetahuan dan penguasaan seseorang terhadap perihal dimensi tabu atau pantang larang dalam masyarakat sangat penting. Hal ini demikian kerana perihal ini bukan sahaja menjadi tanda aras untuk seseorang itu dianggap bersopan, beradab serta beradat, malah perihal ini turut melambangkan tahap kepekaan dan keprihatinan seorang terhadap adab dan budaya mereka sendiri (Zuraidah Jantan, 2009).

Seterusnya, pengkaji juga cuba untuk menghubungkan serta mengaplikasikan Teori Medan Semantik dalam aspek pemahaman serta pengingterpretasian unsur eufemisme. Dalam sesebuah pengkajian bahasa, teori merupakan pegangan asas yang mendasari pembentukan dan pengembangan ilmu pengetahuan. Teori juga boleh mendasari penentuan tindakan atau keputusan yang bakal diambil dalam sesuatu isu yang ingin dikupas, selain turut berperanan dalam membentuk sebuah kerangka konseptual yang berupaya mengaitkan serta menyuai padan komponen-komponen yang berbeza agar tidak bercanggah dan seiring. Di samping itu, teori juga memainkan peranan sebagai rujukan dalam memahami dan menganalisis sesuatu data yang diperolehi. Hal ini demikian kerana teori merupakan suatu ringkasan pendapat atau pandangan yang mengandungi satu set konsep analisis yang dapat ditafsirkan dengan jelas tentang sesuatu fakta yang konkrit dan mempunyai hubungan secara logik (Radcliffe-Brown, 1965).

Merujuk pandangan yang dinyatakan oleh Media Sandra Kasih (2000), teori juga dapat dijelaskan sebagai satu skema yang dapat digunakan dalam memahami sesuatu fenomena. Dalam erti kata lain, sesebuah teori itu dapat menjadi pegangan kepada pengkaji dalam menentukan arah tuju penyelidikannya di samping membantu dalam menghuraikan sesuatu konsep penyelidikan itu. Secara tidak langsung, pengaplikasian teori dalam sesebuah kajian dapat mencari jawapan serta menjadi jalan penyelesaian dalam sesebuah isu yang dikaji. Secara ringkasnya, teori merupakan paksi utama yang mendasari sesebuah kajian. Tanpa teori, sesebuah kajian yang dijalankan itu tidak utuh tanpa pegangan. Kajian secara berteori berupaya membentuk satu pendeskripsian

konsep peluasan makna kata yang berpolisemi menerusi kaedah baru dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana ianya bersifat terperinci dari sudut teoritis, data dan huraianya.

Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini pengkaji akan memberi fokus terhadap pengaplikasian Teori Medan Semantik S. Ullmann (1963) menerusi pendekatan model analisis oleh Syed M. Naquib al-Attas (2001). Menurut J.D. Parera (2004), setiap kata dapat dikelompokkan sesuai dengan medan semantiknya. Dalam medan semantik tersebut, setiap unsur yang berbeza akan diinterpretasikan dan diberi batasan yang jelas sehingga tidak berkeupayaan untuk berlaku pertindihan antara suatu makna dengan makna yang lain. Hakikatnya, medan semantik merupakan sebuah jaringan asosiasi yang rumit berdasarkan persamaan, kontak/hubungan atau hubungan asosiasi.

Dalam pada itu, Teori Medan Semantik juga merupakan satu pendekatan kajian yang dilakukan untuk meneliti hubungan paradigmatis antara beberapa perkataan yang mempunyai pertalian antara satu sama lain. Ianya terdiri daripada sejumlah leksikal yang maknanya saling berkaitan antara satu sama lain disebabkan oleh kehadiran leksikal-leksikal tersebut dalam satu konteks yang sama.

1.2 Pernyataan Masalah

Eufemisme merupakan satu istilah khusus yang merujuk ungkapan yang halus bagi menggantikan ungkapan-ungkapan yang berunsur negatif dan bersifat ofensif. Penerapan unsur eufemisme dalam sesebuah karya dilihat cukup berkepentingan terutamanya sebagai agen pendidikan kepada masyarakat. Namun begitu, unsur eufemisme dilihat sukar difahami oleh sesetengah pembaca atau masyarakat. Hal ini demikian kerana mesej yang mengandungi unsur eufemisme yang ingin ditonjolkan dalam budaya Melayu terutamanya daripada medium berbentuk tulisan ini sukar untuk ditafsir kerana mempunyai makna yang tersurat dan yang tersirat. Bertitik tolak daripada itu, timbul masalah untuk memahami sesuatu unsur eufemisme. Hal ini bertepatan dengan pandangan yang dinyatakan oleh Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawita Atan (2017) yang menyatakan bahawa pada abad ini, masih terdapat unsur eufemisme yang belum lagi menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat penutur dan terdapat juga daripada unsur eufemisme ini yang masih belum mantap pengertiannya.

Dalam pada itu, permasalahan berkaitan penggunaan unsur eufemisme ini juga telah dikenal pasti apabila terdapat jurang yang agak luas antara tiga golongan, iaitu golongan muda, golongan dewasa dan juga golongan tua. Hal ini dapat dilihat daripada aspek pengetahuan dan penggunaan unsur eufemisme dalam kehidupan seharian. Berdasarkan isu ini, Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid dan Remmy Gedat (2018) turut mempunyai pandangan yang sama berkaitan isu tersebut. Hal ini demikian kerana, berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid dan Remmy Gedat (2018) berkaitan unsur eufemisme dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak, unsur eufemisme ini dilihat masih relevan dalam kalangan masyarakat Iban. Namun begitu, terdapat jurang yang sangat luas 3 antara tiga golongan utama ini, iaitu golongan muda, golongan dewasa dan juga golongan tua. Berdasarkan kajian tersebut, golongan muda didapati kurang mengetahui serta kurang mempraktikkan penggunaan unsur eufemisme dalam kehidupan seharian. Hal ini disebabkan oleh kurangnya pemahaman mereka terhadap

unsur tersebut serta kurangnya pendedahan berkaitan unsur ini kepada golongan muda tersebut.

Bertitik tolak daripada itu, Rozita Che Rodi (2013) berpendapat bahawa sesuatu masalah yang melibatkan pemahaman tentang sesuatu konsep berlaku disebabkan kesukaran dalam memahami maknanya secara menyeluruh. Perkara ini melibatkan aspek definisinya, makna asasnya serta lapangan konteksnya. Hal ini demikian kerana proses untuk memahami dan menginterpretasikan sesuatu makna yang disampaikan secara tersurat serta tersirat bukanlah suatu proses yang mudah kerana melibatkan beberapa aspek tertentu yang perlu diberikan perhatian. Hal ini turut dinyatakan oleh Thomas (1995:22) seperti berikut:

...meaning is not something which is inherent in the words alone, nor is it produced by the speaker alone, or by the hearer alone. Making meaning is a dynamic process, involving the negotiation of meaning between speaker and hearer, the context of utterance (physical, social and linguistic) and meaning potential of an utterance.

Oleh hal yang demikian, kajian menerusi pengaplikasian Teori Medan Semantik terhadap penghuraian sesuatu ungkapan boleh menjadi penyelesaian kepada permasalahan di atas. Hal ini demikian kerana pengaplikasian teori ini bukan sahaja akan menganalisis daripada sudut makna asasi sesuatu ungkapan sahaja, malah juga akan menganalisis sesuatu ungkapan tersebut daripada sudut perkaitan maknanya dengan perkataan yang lain sehingga membentuk lingkungan konsepsi yang berpaksikan satu kata fokus sebagai paksi penumpuan makna dan sejumlah kata kunci yang mengelilinginya.

Dalam pada itu, pernyataan tersebut juga seiring dengan pandangan yang dinyatakan oleh Mustafa Atan (2010) yang menyatakan bahawa sekiranya masyarakat tidak mampu untuk memahami serta mentakrifkan sesuatu maklumat itu selari dengan maksud yang cuba disampaikan oleh seseorang penulis atau penutur, maka hal ini akan menyebabkan penyampaian atau perkongsian ilmu serta mesej sebenar berkaitan dengan sesuatu konsep itu tidak akan mencapai tahap yang optimum. Dalam erti kata lain, proses penyampaian maklumat sebenar kepada golongan sasaran boleh dikira sebagai tidak berjaya kerana pembaca mahupun pendengar tidak dapat memahami secara keseluruhan perkara yang cuba disampaikan oleh penulis. Jika mereka cuba untuk memahami sesuatu itu dengan cara mengagak-agak, boleh jadi sesuatu perkara yang cuba disampaikan itu akan disalahertikan. Pandangan seperti ini dinyatakan oleh Nor Aisyah Hafiza Tazudin dan Rozita Che Rodi (2020) yang menyatakan bahawa pemahaman pembaca, pendengar atau penonton terhadap sesuatu mesej sebenar yang ingin disampaikan perlulah mencapai tahap seperti yang tinggi. Hal ini demikian kerana kepincangan dalam proses pemahaman sesuatu konsep itu akan merencatkan perkongsian dan perkembangan ilmu tersebut.

Ketidakhahaman masyarakat terhadap konsep unsur eufemisme ini akan menyebabkan berlaku kekeliruan terhadap pentafsiran makna sesuatu unsur dan seterusnya menyebabkan mesej utama yang cuba disampaikan oleh penulis tidak sampai kepada pembaca atau audiens. Ekoran daripada itu, pentafsiran dan kefahaman yang sempurna terhadap sesuatu unsur eufemisme itu mampu untuk diperoleh apabila diketahui kata fokus yang mendasari sesuatu konsep eufemisme yang cuba disampaikan, seterusnya melihat kepada sejumlah kata kunci yang mengelilingi kata fokus tersebut menerusi

penginterpretasian terhadapnya sehingga membentuk jalinan perkaitan makna dan lingkungan konsepsi yang wujud. Daripada itu, maka wujudlah sebuah medan semantik bagi sesuatu kata fokus yang mampu menghuraikan secara jelas konsep yang cuba disampaikan oleh penulis kepada golongan sasaran mereka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penerapan Teori Medan Semantik mampu untuk menyelesaikan permasalahan.

Oleh hal yang demikian, bertitik tolak daripada pelbagai permasalahan yang timbul dalam aspek pemahaman unsur eufemisme ini, pengkaji terpenggil untuk menjalankan kajian menerusi pengaplikasian Teori Medan Semantik ini dengan melihat daripada sudut penggunaan unsur eufemisme yang terdapat dalam novel pilihan pengkaji, iaitu novel bergenre indie, *Mental* karya Shaz Johar. Usaha ini juga merupakan salah satu cara pengkaji untuk mengilmiahkan sesuatu bahan bacaan santai yang dianggap tidak mempunyai apa-apa nilai, tetapi pada hakikatnya masih wujud suatu unsur yang positif terutamanya daripada aspek bahasa. Dalam pada itu, kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini juga diharapkan dapat mengisi lompong kajian-kajian yang terdahulu terutamanya kajian daripada aspek unsur eufemisme dan penerapan Teori Medan Semantik dalam sesebuah kajian terkini. Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dinyatakan, dalam kajian ini pengkaji akan mengemukakan tiga objektif utama berkaitan pemaknaan kata unsur eufemisme dalam merungkai sesuatu konsep kata itu. Bagi menjalankan kajian tersebut, pengkaji akan menganalisis setiap unsur dengan mengaplikasikan Teori Medan Semantik yang diasaskan oleh S. Ullmann (1963) dengan menerapkan pendekatan model analisis oleh Syed M. Naquib al-Attas (2001). Namun begitu, terdapat beberapa persoalan yang timbul dalam kajian ini, iaitu:

- i. Apakah kata fokus bagi unsur eufemisme dalam novel *Mental* karya Shaz Johar?
- ii. Bagaimanakah cara menginterpretasi kata kunci yang mengelilingi setiap kata fokus yang dikenal pasti menerusi novel *Mental* karya Shaz Johar?
- iii. Bagaimanakah terhasilnya medan semantik unsur eufemisme berdasarkan novel *Mental* karya Shaz Johar?

1.3 Objektif Kajian

Pengkaji akan menjalankan kajian berkaitan Manifestasi Eufemisme dalam Novel *Mental* Karya Shaz Johar berdasarkan Teori Medan Semantik. Bertitik tolak daripada pernyataan masalah yang telah dinyatakan, bagi menjawab permasalahan tersebut pengkaji akan memfokuskan kepada tiga (3) objektif utama, iaitu:

- i. Mengenal pasti kata fokus bagi unsur eufemisme dalam novel *Mental* karya Shaz Johar.
- ii. Menginterpretasi kata kunci yang mengelilingi setiap kata fokus yang dikenal pasti menerusi novel *Mental* karya Shaz Johar.
- iii. Menghasilkan medan semantik unsur eufemisme berdasarkan novel *Mental* karya Shaz Johar.

1.4 Kepentingan Kajian

Pendekatan kajian berdasarkan analisis medan semantik merupakan suatu pendekatan yang melihat penganalisisan sesuatu makna istilah dalam konteks yang lebih luas daripada makna asasnya. Pengaplikasian Teori Medan Semantik yang diasaskan oleh S. Ullmann (1963) menerusi pendekatan yang diambil daripada model analisis yang diilhamkan oleh Syed M. Naquib al-Attas (2001) akan mencakupi konsep kata fokus dan kata kunci. Pemfokusan terhadap aspek kata fokus dan kata kunci ini seterusnya akan membawa kepada pembentukan lingkungan konsepsi menerusi perkaitan makna oleh kata-kata kunci sehingga tertubuhnya medan semantik bagi sesuatu teks atau wacana. Bertitik tolak daripada itu, kajian berkaitan analisis medan semantik ini dilihat mampu untuk memberi manfaat kepada masyarakat dan juga pihak-pihak tertentu. Antaranya ialah:

1.4.1 Masyarakat

Menerusi pembentukan medan semantik daripada setiap unsur eufemisme, masyarakat pembaca bukan sahaja akan dapat lebih memahami bukan sahaja daripada makna asasnya semata-mata, malah dapat menginterpretasi sesuatu istilah itu dengan lebih meluas lagi menerusi penginterpretasian kata kunci yang dikenal pasti. Dalam pada itu, secara tidak langsung masyarakat pembaca juga bukan sahaja dapat memahami sesuatu makna istilah dengan lebih meluas, malah masyarakat pembaca juga dapat didedahkan dengan nilai dan budaya dan kesantunan masyarakat Melayu itu sendiri menerusi pengupasan unsur eufemisme ini.

Bertitik tolak daripada itu, bahasa sebagai agen pendidik dapat diterapkan dalam setiap bentuk penulisan karya dan berfungsi dalam mendidik masyarakat tentang peri pentingnya kesantunan dalam kehidupan harian. Bertepatan dengan fungsi eufemisme itu sendiri yang berfungsi menggantikan ungkapan-ungkapan negatif dan kurang enak didengar kepada ungkapan-ungkapan yang lebih positif dan murni. Dari sini dapat dilihat bahawa menerusi karya penulisan, bahasa itu sendiri dapat mendidik masyarakat secara tidak langsung. Menyedari hakikat ini, ironinya masyarakat mempunyai pilihan untuk terus berbahasa santun berbanding memilih untuk menggunakan ungkapan-ungkapan yang kasar dalam kehidupan harian.

Jelas di sini dapat dilihat bahawa menerusi penggunaan unsur eufemisme dalam novel mampu untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang adat dan etika berkomunikasi dalam kehidupan harian. Malah, menerusi unsur ini juga, masyarakat akan dapat lebih memahami pengertian sesuatu istilah itu dengan lebih mendalam dan meluas dengan terbentuknya medan semantik ini. Pengaplikasian Teori Medan Semantik menerusi pengenalan kata fokus dan kata kunci ini akan meningkatkan lagi pemahaman pembaca tentang sesuatu unsur atau istilah dalam sesebuah teks atau wacana.

1.4.2 Pengkaji Bahasa

Kajian ini dilihat berkepentingan kepada pengkaji bahasa kerana menerusi kajian ini, pengkaji bahasa terutamanya yang memberi tumpuan dalam pengkajian bidang semantik

tidak hanya akan tertumpu kepada pengkajian berkaitan makna asasi semata-mata, malah kajian berdasarkan pengaplikasian medan semantik ini akan dapat mengupas sesuatu unsur eufemisme itu dengan lebih mendalam mencakupi aspek kata fokus, kata kunci dan seterusnya penubuhan medan semantik bagi sesuatu teks atau wacana. Menerusi bidang medan semantik ini, pengkaji bahasa boleh mengaplikasikan dan mempelbagaikan bentuk analisis kajian yang dijalankan.

Dalam pada itu juga, ilmu berkaitan analisis medan semantik ini juga dapat disebar luas dalam bidang akademik yang seterusnya bukan sahaja memberi manfaat kepada pengkaji bahasa semata-mata, malah turut bermanfaat kepada mahasiswa-mahasiswa yang melanjutkan pengajian dalam bidang kebahasaan. Menerusi perkembangan bidang medan semantik ini juga, para pengkaji bahasa dapat memperbanyak makalah berkaitan bidang semantik dan kebahasaan. Secara tidak langsung, bidang ilmu semantik dan kebahasaan ini dapat terus diperkaya dan disebar luas.

1.4.3 Bidang Semantik

Berdasarkan kajian berkaitan pemaknaan kata menerusi ilmu medan semantik ini, bidang semantik itu sendiri dapat diperkaya melalui lahirnya pelbagai kajian baharu yang terkini. Dalam pada itu, pengkajian dalam bidang semantik tidak lagi hanya tertumpu kepada pengkajian makna asasi semata-mata, malah menerusi pembentukan medan semantik, makna asasi serta konsep sesuatu pemaknaan kata yang cuba disampaikan oleh penulis menerusi sesebuah teks atau wacana itu dapat diperjelas dengan lebih terperinci dan lebih meluas.

Bertitik tolak daripada itu, berdasarkan kajian-kajian terdahulu, pengkaji akan cuba mengetengahkan pengkajian daripada aspek dan sudut yang berbeza, iaitu daripada aspek unsur eufemisme dalam bahan bacaan bergenre indie sehingga membentuk medan semantik bagi sesuatu konsep dalam sesebuah teks bagi mengisi kelompangan yang ada pada kajian terdahulu. Dalam pada itu, diharap kajian ini dapat memvariasikan lagi serta memperkaya bidang semantik khususnya bidang pengkajian medan semantik.

1.5 Batasan Kajian

Pengkajian tentang makna sesuatu istilah dalam aspek kebahasaan mencakupi aspek yang cukup luas meliputi aspek bentuk bahasa seperti morfem, perkataan, frasa, klausa, ayat dan juga wacana. Namun begitu, dalam kajian ini pengkaji akan memfokuskan kepada pengalpastian kata fokus dan penginterpretasian kata kunci yang terkandung dalam unsur eufemisme dalam novel indie ini.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih novel bergenre indie sebagai bahan kajian, iaitu novel *Mental* karya Shaz Johar. Justifikasi pemilihan genre indie ini adalah kerana genre ini dilihat mendapat sambutan yang sangat tinggi daripada golongan remaja dan juga dewasa kini. Hal ini bertepatan dengan pandangan yang dinyatakan oleh Nor Hasimah Ismail dan Melor Fauzita Md. Yusoff (2016) yang menyatakan bahawa karya bergenre indie kini dilihat semakin mendapat sambutan dan popular serta diminati oleh golongan muda. Karya-karya genre ini juga mewarnai dunia penulisan novel kerana garapan situasi yang cuba diketengahkan oleh penulis-penulis muda kini bersifat segar, santai dan juga

ringan. Bertitik tolak daripada itu, penerapan terhadap pemahaman unsur eufemisme dalam kalangan generasi pembaca muda dan dewasa kini dapat diterapkan melalui pendedahan menerusi karya tulisan ini. Dalam pada itu, secara tidak langsung masyarakat akan terdidik dengan penerapan nilai dan budaya masyarakat Melayu ini. Seterusnya, novel *Mental* karya Shaz Johar ini dipilih kerana menurut syarikat penerbitan novel ini sendiri serta tinjauan yang telah dilakukan oleh pengkaji, novel ini telah dicetak dan diulang cetak bermula daripada November 2012 hingga yang terkini yang terkini, iaitu cetakan kelima belas pada Mac 2018. Novel ini turut diulang cetak sebanyak tiga kali dalam masa setahun. Permintaan yang tinggi terhadap novel ini telah menjadikan novel *Mental* karya Shaz Johar ini mampu bertahan selama enam tahun sejak cetakan yang pertama sehingga kini. Hal ini menjadikan pendorong untuk pengkaji menyingkap serta mengupas novel ini dalam usaha mengilmiahkan genre alternatif ini. Di samping itu, penulis novel ini sendiri, iaitu Shaz Johar telah memenangi anugerah *Selangor Young Talent Award for Best Malay Novel*.

Bertitik tolak daripada pemilihan bahan berkenaan, pengkaji akan mengenal pasti unsur eufemisme yang terkandung dalam novel *Mental* ini dan makna asasinya akan dikupas. Lanjutan daripada itu, kata fokus yang akan menjadi paksi penumpuan makna ini juga akan dikenal pasti.

Hasil daripada pengenalanpastian kata fokus tersebut, kata kunci yang merupakan sejumlah perkataan yang akan mengelilingi kata fokus pula akan diinterpretasi sehingga membentuk lingkungan yang akan mengelilingi kata fokus itu. Kata-kata kunci yang akan diinterpretasikan ini cukup kuat dalam mempengaruhi pembentukan pemikiran masyarakat secara konsepsi terhadap sesuatu teks mahupun wacana.

Hasil daripada penginterpretasian ini, akan terhasilnya medan semantik yang secara tidak langsung bukan sahaja telah menginterpretasi pemaknaan kata bagi kata fokus dan kata kunci itu sendiri, malah turut berupaya untuk menjelaskan secara terperinci konsep sebenar yang disampaikan dalam sesebuah teks atau wacana.

Akhir sekali, unsur eufemisme, kata fokus dan kata kunci ini akan dianalisis menggunakan Teori Medan Semantik yang diasaskan oleh S. Ullmann (1963) dengan mengambil pendekatan model analisis oleh Syed M. Naquib al- Attas (2001). Teori dan pendekatan ini dipilih kerana melihat kepada keupayaan teori ini dalam menganalisis setiap ungkapan atau secara khususnya unsur eufemisme dalam kajian ini secara terperinci. Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi 8 unsur ini, konsep bagi sesuatu unsur eufemisme yang ingin disampaikan oleh penulis dapat diketahui dan diteliti menerusi pengenalanpastian kata fokus yang menjadi paksi penumpuan makna dalam sesuatu medan. Seterusnya, sejumlah kata kunci yang mengelilingi kata fokus tersebut akan diinterpretasi sehingga terbentuknya jalinan perkaitan makna dan mewujudkan lingkungan konsepsi.

Hasil daripada penginterpretasian ini, maka akan terbentuklah sebuah medan semantik bagi sesuatu kata fokus itu. Dalam pada itu, penginterpretasian ini bukan hanya mampu menjelaskan makna asasi bagi sesuatu perkataan atau ungkapan, malah turut dapat memengaruhi pemikiran konsepsi masyarakat terhadap sesuatu konsep yang cuba disampaikan oleh penulis dalam sesuatu teks mahupun wacana.

1.6 Definisi Operasional

Oleh sebab kajian ini menumpukan perbincangan terhadap usaha dalam memanifestasikan unsur eufemisme dalam novel *Mental* karya Shaz Johar, maka konsep asas bidang pengkajian ini sewajarnya difahami secara mendalam. Dalam konteks ini, definisi perkataan “eufemisme” akan dihuraikan terlebih dahulu sebagai asas perbincangan dan seterusnya diikuti dengan kupasan definisi bagi “kata fokus”, “kata kunci”, “jalinan perkaitan makna” dan “lingkungan konsepsi” yang menjadi tema asas pengkajian ini.

1.6.1 Eufemisme

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, secara literalnya eufemisme bermaksud suatu ungkapan yang lebih lembut, manis dan sopan yang digunakan untuk menggantikan ungkapan yang dianggap kasar. Menurut Teo Kok Seong (1996), eufemisme merupakan perkataan atau frasa yang lebih halus sifatnya bagi menggantikan perkataan atau frasa yang bersifat kasar dan tidak sedap didengar. Tambah Teo Kok Seong (1996) lagi, unsur eufemisme berupaya untuk menukarkan kata-kata berunsur tabu menjadi lebih bermaknadan tidak memakan diri. Dalam pada itu, Ahmad Mahmood Musanif dan Arbak Othman (2010) turut memperihalkan hal yang sama dengan menyatakan bahawa eufemisme digunakan atas tujuan mengelak daripada mengujarkan sesuatu perkara secara langsung. Lazimnya, perkata yang tidak dinyatakan secara langsung itu adalah perkara yang dianggap tidak elok untuk diperkatakan secara langsung dan tidak sedap untuk didengar. Sebagai contoh, perihal yang berkaitan dengan kesakitan, kematian, jenayah dan sebagainya.

Secara tidak langsung, eufemisme merupakan asas kepada kesejahteraan dalam corak hidup bermasyarakat. Eufemisme ini wujud disebabkan oleh wujudnya tabu dalam bahasa dan juga masyarakat (Nafisah Abd Hamid, 2015). Tabu ini merupakan sesuatu hal yang dilarang untuk digunakan dan menjadi pantang larang dalam sesebuah masyarakat.

1.6.2 Kata Fokus

Dalam kajian ini, kata fokus merujuk kata yang menjadi inti dalam pembentukan sesuatu medan semantik. Kata fokus ini juga berfungsi sebagai paksi penumpuan makna dan terdapat sejumlah kata kunci yang mengelilingi kata fokus ini serta saling berhubungan dari segi maknanya. Namun begitu, satu kata fokus bagi sesuatu medan semantik boleh menjadi kata kunci yang biasa dalam sesuatu medan semantik yang lain. Hal ini disebabkan oleh perbezaan pemfokusan maknanya.

Bagi menghuraikan konsep seperti yang telah dinyatakan di atas, pengkaji mengambil contoh perkataan “hospital”. Perkataan “hospital” merupakan satu kata fokus dalam medan semantik apabila fokusnya kepada konsep hospital. Namun begitu, apabila fokusnya berubah kepada “Kementerian Kesihatan”, maka perkataan “hospital” akan bertukar fungsi sebagai salah satu daripada sejumlah kata kunci yang mengelilingi konsep “Kementerian Kesihatan”. Di sini jelas dapat dilihat bahawa fungsi kata fokus itu boleh berubah mengikut fokus dalam sesuatu konsep yang ingin ditekankan

1.6.3 Kata Kunci

Menurut Hashim Musa (2006), kata kunci merujuk sejumlah perkataan dalam perbendaharaan kata sesuatu bahasa atau sesuatu teks mahupun wacana, yang sangat kuat mempengaruhi pembentukan pemikiran konsepsi masyarakat. Secara ringkasnya, kata kunci ialah sejumlah perkataan atau ungkapan yang terpenting dalam sesuatu bahasa atau dalam sesuatu teks mahupun wacana yang mampu untuk mempengaruhi pemikiran konsepsi masyarakat.

Dalam aspek kajian ini pula, sejumlah kata kunci ini akan mengelilingi kata fokus dan berfungsi dalam menterjemah atau menghuraikan pemaknaan kata bagi sesuatu kata fokus dalam sesuatu medan semantik. Sejumlah kata kunci ini bukan sahaja saling berhubungan daripada segi maknanya dengan kata fokus, malah turut mempunyai perkaitan makna antara satu kata kunci dengan satu kata kunci yang lain. Dalam pada itu, kata kunci ini juga boleh berubah fungsinya menjadi kata fokus dalam sesuatu medan semantik yang lain apabila kata kunci tersebut menjadi fokus penumpuan makna dalam sesuatu medan semantik yang lain, seperti konsep “hospital” dan “Kementerian Kesihatan” yang telah dinyatakan sebelum ini.

1.6.4 Jalinan Perkaitan Makna

Sesuatu perkataan yang wujud akan mempunyai makna asasi, iaitu makna seperti yang terdapat dalam kamus dan juga makna perkaitan. Makna perkaitan atau “*relational meaning*” ialah makna bagi sesuatu kata kunci yang berkait rapat dengan kata kunci yang lain kerana mempunyai lingkungan konsepsi yang sama dalam sesuatu medan (T. Izutsu, 1964). Sebagai contoh, dalam konsep “kekeluargaan”, kata kunci seperti “ibu”, “ayah”, “suami”, “isteri” dan “anak” mempunyai perkaitan makna antara satu sama lain yang membentuk lingkungan konsepsi bagi kata fokus atau konsep “kekeluargaan” itu tadi kerana berada dalam satu medan yang sama.

1.6.5 Lingkungan Konsepsi

Sebelum penubuhan sesuatu medan semantik yang menerangkan secara keseluruhan tentang konsep utama yang dibincangkan, terlebih dahulu penjelasan tentang lingkungan konsepsi perlu diketahui. Menurut T. Izutsu (1964), penerangan beliau terhadap konsep “wahyu” dalam teks al-Quran telah 10 mendefinisikan setiap pemaknaan kata bagi kata fokus dan kata kunci yang terdapat dalam medan semantik wahyu itu sendiri. Bagaimana konsep “wahyu” itu wujud adalah disebabkan pemaknaan kata bagi perkataan “kitab” yang merujuk maksud “buku”. Oleh hal yang berkaitan, jalinan perkaitan makna bagi perkataan “kitab” dalam teks al-Quran berkait rapat dengan perkataan “Allah”, “wahyu”, “Nabi”, “Tanzil” dan “ahli kitab”. Bertitik tolak daripada jalinan perkaitan makna itu, maka terbentuklah lingkungan konsepsi bagi konsep “wahyu” dalam teks al-Quran. Secara ringkasnya, aspek lingkungan konsepsi ini akan terbentuk apabila berlakunya penginterpretasian terhadap sejumlah kata kunci dan keberkaitannya dengan pemaknaan kata bagi kata fokus dalam sesuatu medan yang sama.

1.7 Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan latar belakang kajian berkaitan unsur eufemisme, kata fokus, kata kunci, jalinan perkaitan makna dan lingkungan konsepsi. Seterusnya, daripada aspek yang dibincangkan pada bahagian pendahuluan, pengkajian meneruskan perbincangan dengan pernyataan masalah dan seterusnya membentuk objektif kajian bagi mengatasi permasalahan yang timbul. Selanjutnya, pengkaji juga telah membuat kupasan berkaitan kepentingan kajian ini dijalankan dan juga pembatasan kajian. Dalam pada masa yang sama, pengkaji turut menjelaskan secara konseptual mengenai tajuk kajian di bawah premis definisi operasional. Oleh yang demikian, diharap bab ini telah dapat memberikan pengenalan yang secukupnya berkaitan pengkajian ini, iaitu Manifestasi Unsur Eufemisme dalam Novel *Mental* Karya Shaz Johar berdasarkan Teori Medan Semantik. Dalam bab yang seterusnya, pengkaji akan membincangkan mengenai sorotan literatur berdasarkan kajian-kajian terdahulu.

BIBLIOGRAFI

- Abbas Mohd Shariff. (2004). *Adab Orang Melayu*. Singapura: Alfa Media.
- Abdullah Hassan. (2007). *Linguistik Am: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2011). *Kamus Peribahasa Kontemporari Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Adenan Ayob. (2007). *HBML3803: Ilmu Makna dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Open Universiti Malaysia.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2001). "Ayat: Analisis Makna dengan Kebenaran" dlm. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. Serdang: Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Bil. 5: 19–29.
- Ahmad Mahmood Musanif & Arbak Othman. (2010). *Fail Sociolinguistik*. Selangor: Nusabuku Enterprise.
- Aida Aziz. (2018, 2 Disember 2). *Babi, Laknat dan Lucah, Benarkah Novel Indie Semakin Kasar dan Celupar?*. Astro Awani Online. Bahan diakses pada 20 September 2018, daripada <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/babi-laknat-dan-lucah-benarkah-novel-indie-semakin-kasar-dan-celupar-161835>.
- Al-Attas, S. M. Naquib. (1970). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Attas, S. M. Naquib. (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Allan, K., & Burrige, K. (1991). *Euphemisme and Dyphemisme Language Used as Shield and Weapon*. New York: Oxford University Press.
- Aminnudin Saimon & Nor Aisyah Hafiza Tazudin. (2021). *Leksis Gender Dalam Novel A. Samad Said: Satu Analisis Medan Semantik*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS 2021).
- Arba'ie Sujud. (1999). *Estetika dalam Lirik Lagu-lagu Nyanyian P. Ramlee*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Balakrishnan, A., Mashetoh Abd Mutallib & Melor Fauzita Md. Yusoff. (2018). "Eufemisme dalam Kerangka Linguistik: Satu Tinjauan Awal" dlm. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 3(16): 50–58.
- Brinton, Laurel J. (2000). *The Structure of Modern English: A Linguistic Introduction*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Brown, R.W. & Ford, M. (1966). Address in American English in Dell Hymes (Ed.), *Language in Culture and Society*. New York: Harper & Row, Ltd., 234 – 244.
- Endang Susilawati & Asmah Haji Omar. (2017). Makna Sosial Dalam Kata Panggilan: Kajian Etnografi Komunikasi dalam Komuniti Bahasa Melayu Sambas. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 28.

- Enright, D. J. (1985). *Fair of Speech: The Use of Euphemism*. Oxford: Oxford University Press.
- Fadli Abdullah & Sidin Ahmad Ishak. (2016). Kesan Perkembangan Teknologi terhadap Industri Penerbitan Buku di Malaysia. dlm. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Jld.18, Bil. 2: 117–132.
- Fatimah Abdullah. (2000). Konsep Famili dan Isi Rumah. *Jurnal Rampak Serantau: Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia*. Bil. 7: 110-121.
- Hamidah Abdul Wahab & Siti Marina Kamil. (2012). “Peribahasa Cerminan Hati Budi dan Budaya Bangsa Melayu” dlm. *Issues in Language Studies*. 1(1): 34–37.
- Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohammed Azlan Mis & Khazriyati Salehuddin. (2016). “Analisis Eufemisme Kematian Masyarakat Melayu Sarawak dari Perspektif Semantik Kognitif” dlm. *Journal of Language Studies*, 16(2): 53– 71.
- Hani Salwah Yaakup. (2016). *Karya Indie dan Industri Penerbitan Buku Malaysia*. Bernama. Bahan diakses pada 2 Feb 2018, daripada <http://youth.bernama.com/v2/news.php?id=907917&c=6>.
- Hashim Musa. (1995). “Mencari Ilmu Yang Benar: Pendekatan Kajian Berdasarkan Kata-kata Kunci Utama” dlm. *Jurnal Akademik Sains Islam Malaysia (ASASI) – Kesturi*. 5(2): 26–69.
- Hashim Musa. (2006). *Pengantar Falsafah Bahasa: Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hatch, E. M. & Brown, C. (1995). *Vocabulary, Semantics and Language Education*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hjelmslev, L. (1953). *Prolegomena to A Theory Language*. Baltimore: Waverly Press.
- Ibrahim Ahmad. (2005). *Perkamusan Melayu: Teori dan Amali*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Indirawati Zahid & Nasihah Hashim. (2018). “Strategi dan Struktur Kesantunan Melayu dalam Kritikan Mentor: Rancangan Realiti Televisyen” dlm. *Journal of Language Studies*. 18(2). 59
- Isnariah Idris. (2018). *Medan Semantik Hati Budi Melayu Berdasarkan Warkah Melayu Lama*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Izutsu, T. (1959). *The Structure of Ethical Terms in the Koran: A Study in Semantics*. Tokyo: Keio Institute of Philological Studies, Keio University.
- Izutsu, T. (1964). *God and Man in the Koran: Semantics of the Koranic Weltanschauung*. Tokyo: Keio Institute of Cultural and Linguistics Studies, Keio University.
- Juliana Nopiah, Nor Hashimah Jalaludin & Junaini Kasdan. (2016). Elemen Dualisme dalam Peribahasa: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Jilid 10 Bil. (1).
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Lilimiwirdi. (2011). *Eufemisme dalam Masyarakat Minangkabau di Kota Padang*. Tesis Master, Universitas Andalas, Padang, Indonesia.
- Lambert, W.E. & Tucker, G.R. (1976). *Tu, Vous, Usted*. Massachusetts: Newbury House Publishers, Inc.
- Media Sandra Kasih. (2000). *Sistem Sapaan Dalam Bahasa Minangkabau: Suatu Tinjauan Sosiolinguistik*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2007). *Teori Konseptual Kata Kunci*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Febriansyah & Sharifah Nursyahidah. (2016). Alternatif atau Arus Perdana?: Geliat Penerbit Buku Indie di Malaysia. *International Conference on Multidisciplinary Research (ICMR 2016)*.
- Muhammad Rashidi Wahab & Siti Nur Hidayah Kusnin. (2016). *Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia*.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid & Remmy Gedat. (2018). "Penggunaan Eufemisme dalam Kalangan Penutur Iban" dlm. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 08(1): 27-40.
- Mustafa Atan. (2010). *Implikatur dalam Ujaran Watak dalam Filem Seniman Agung P. Ramlee*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Nafisah Abd Hamid. (2015). *Kesantunan Bahasa: Penggunaan Sistem Sapaan Dan Eufemisme Dalam Komunikasi*. dlm. Perkongsian Profesional Bagi Guru-Guru Permulaan. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura.
- Neaman, J. S. & Silver, C. G. (1983). *Kind Words: A Thesaurus of Euphemism*. New York: Factson File Publications.
- Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2011). Unsur eufemisme dalam novel Papa & Azfa Hanani. dlm. *Jurnal Bahasa*. Vol. (11). No. 1: 83-108.
- Nor Aisyah Hafiza Tazudin & Rozita Che Rodi. (2020). Manifestasi Eufemisme dalam Teks Titah Yang Di-Pertuan Agong VX dari Sudut Medan Semantik. dlm. *Raja dan Rakyat Berpisah Tiada*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Rozaimah Rashidin. (2008). Rasuah dalam Karya Sastera Melayu Klasik: Satu Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal e-Bangi*. Jilid 3(3), Disember: 1-32.
- Nor Hasimah Ismail & Melor Fauzita Md Yusoff. (2016). Karya Indie: Revolusi Penulis Generasi Baru. dlm. *Proceeding of International Seminar on Generating Knowledge Through Research*.
- Nor Hasimah Ismail, Nazilah Mohamad & Rafizah Mohd Rawian. (2018). A New Revolution of Indie Literary Work. dlm. *International Journal of Asian Social Science*. Vol (8). No. 9.

- Noriah Mohamed & Jamilah Bebe Mohamad. (2016). Eufemisme Leksikal dan Metafora Kematian dalam Dialek Melayu Kedah. dlm. *Journal of Education and Social Sciences*. 4: 331–342.
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nur Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi dan Semantik. dlm. *Journal of Communication*. Jilid 32 (1): 311-334.
- Nurdin. (2019). Konsep Pembinaan dan Pertahanan Keluarga dalam Perspektif Islam. *Psikoislamedia Jurnal Psikologi*. Volume 4 (1).
- Parera, J. D. (2004). Teori Semantik Edisi Kedua. Jakarta: Airlangga.
- Ratna Roshida Abd. Razak & Nik Haslinda Nik Hussain. (2007). Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan*. Bil.9
- Rawson, H. (1981). *A Dictionary of Euphemisms and Other Double-Talk*. New York: Crown Publishers.
- Rozita Che Rodi. (2013). *Bahasa sebagai Cerminan Nilai Hati Budi Melayu dari Sudut Medan Semantik*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Saussure, F. de., 1915. (1955). *A Course on General Linguistics*. New York: Philosophical Library.
- Saussure, F. de. (1955). *A Course on General Linguistics*. New York: Philosophical Library.
- Shaz Johar. (2011). *Mental*. Petaling Jaya: Buku Fixi.
- Siti Norashikin Mohd Khalidi & Ernawita Atan. (2017). Unsur Eufemisme dalam Novel Jalan Retak Karya A. Samad Said. *Journal of Business and Social Development*. 5(1): 88-101.
- Tan, T. (2015, 8 September). *Country spotlight: Malaysia*. *Publisher Weekly*. PublishersWeekly. Bahan diakses pada 20 September 2018, daripada <http://www.publishersweekly.com/pw/by-topic/international/international-book-news/article/68105-country-spotlight-malaysia.html>.
- Teo Kok Seong. (1996). *Tabu Bahasa: Kedudukannya dalam Masyarakat*. Pelita Bahasa. 40(3): 42-44.
- Thomas, J. (1995). *Meaning in Interactio: An Introduction to Pragmatics*. Kuala Lumpur: Longman.
- Trier, J. (1931). *Der deutsche Wortschatz im Sinnbezirk des Verstandes*. Heidelberg.
- Ullmann, S. (1963). *The Principle of Semantics*. Oxford: Blackwell Paperback. Oxford: Blackwell Paperback.
- Ullmann, S. (1972). *Semantics: An Introduction to Science of Meaning*. Oxford: Blackwell Paperback.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). "Penyerapan Ilmu Semantik dan Pragmatik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu" dlm. Abdullah Hassan, Idris Mohd Radzi dan Dahlia Janan (ed.). *Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2009). Kesopanan dalam Pertuturan Strategi dalam Menangani Konflik Bahasa. dlm. *Prosiding Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-V*.

Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan (2011). Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Volume 11(3).

Zul Fikri Zamri. (2016, 6 September). *Karya Indie dan Industri Penerbitan Buku Malaysia*. Bernama. Bahan diakses pada 2 Feb 2018, daripada <http://youth.bernama.com/v2/news.php?id=907917&c=6>.

Zuraidah Jantan. (2009). Unsur Eufemisme dalam Novel Melayu: Satu Manifestasi Kesopanan Bahasa. *Jurnal ASWARA*. 3(1): 137–164.